

TAJUK TENDER DAN NO	TAKLIMAT TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER DAN CARA PEMBAYARAN	TARIKH TUTUP TENDER DAN CARA PENYERAHAN
NO TENDER: TENDER/PLSB/IT/ 0326/005 NAIK TARAF INFRASTRUKTUR LEGASI DAN PELAKSANAAN SENI BINA PUSAT DATA 3-TIER BAGI PHARMANIAGA LOGISTICS SDN BHD	Butiran taklimat tender adalah seperti berikut: <u>Platform:</u> Microsoft Teams (secara dalam talian) <u>Tarikh dan Masa:</u> 9 Mac 2026 (Isnin) 2.00 – 4.00 petang <u>Notis Penting:</u> - Hanya wakil syarikat yang diberi kuasa, berkelayakan, dan berpengetahuan dalam urusan tender serta kontrak bagi kerja-kerja yang dinyatakan sahaja layak hadir. - Pengesahan penyertaan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 8 Mac 2026 (5.00 petang) melalui kod QR di bawah.  - Pautan taklimat tender dalam talian akan dihantar kepada syarikat yang telah mengesahkan penyertaannya dalam tender ini.	<u>Harga Dokumen Tender:</u> RM500.00 sahaja (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja – wang tidak akan dikembalikan). - Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian sahaja. Wang tunai dan cek tidak akan diterima. - Butiran pembayaran akan diemel kepada syarikat yang telah mengesahkan penyertaan sahaja. - Dokumen tender hanya akan dijual kepada syarikat yang telah mengesahkan penyertaan dalam tender. - Dokumen tender boleh dibeli mulai 5 hingga 13 Mac 2026. - Dokumen tender akan diemel kepada syarikat yang telah membuat pembayaran sahaja.	- Tarikh tutup tender adalah pada 2 April 2026 (Khamis) dan penyerahan mesti dibuat sebelum jam 12.00 tengah hari. - Petender hendaklah mengemukakan tawaran tender dalam bentuk salinan digital sahaja. - Salinan digital hendaklah dihantar melalui emel ke: nontradetender5@pharmaniaga.com. - Dokumen yang diterima selepas masa dan tarikh tutup tidak akan diterima.

- Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan untuk pembelian dokumen tender sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
- Pharmaniaga berhak, atas budi bicara mutlak, untuk meminda, menggantung, menamatkan, atau mengeluarkan semula tender ini secara keseluruhan atau sebahagian, pada mana-mana peringkat.
- Dalam apa jua keadaan, Pharmaniaga tidak akan bertanggungjawab kepada syarikat atas sebarang kos atau kerugian yang timbul berkaitan dengan atau sebagai hasil daripada proses tender ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang dan semua kos penyediaan jawapan atau perubahan kepada tender ini atau sebarang kos lain yang ditanggung berkaitan dengan tender ini.
- Pharmaniaga juga berhak untuk membatalkan tender, melanjutkan tarikh tutup atau mengecualikan ketidakselarasan atau keperluan dalam tender yang dianggap sesuai dan munasabah.
- Pemilihan tawaran yang layak adalah atas budi bicara mutlak Pharmaniaga. Pharmaniaga tidak terikat untuk menerima mana-mana cadangan tertentu dan berhak menolak sebarang cadangan yang diterima atau untuk tidak melantik vendor.
- Petender dinasihatkan untuk menghubungi Jabatan Perolehan Kumpulan di **03 - 3342 9999 sambungan 205 (Iman)** atau emel kepada **procurementinfo@pharmaniaga.com** untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan.